

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 19/09/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **Tingkatkan Penubuhan Koperasi Madrasah Dan Sekolah Tahfiz - Angkasa**

*Tarikh kemaskini: 19/09/2017*

JERANTUT, 19 Sept (Bernama) -- Penubuhan Koperasi Madrasah dan sekolah Tahfiz di negara ini perlu diperhebatkan lagi dalam usaha mentransformasi dan memajukan lagi pengurusan pusat pengajian pondok berkenaan.

Menggesa demikian, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, potensi besar dalam sektor ekonomi madrasah dan sekolah-sekolah tahfiz perlu dimanfaatkan bagi meningkatkan dana pusat pengajian agama berkenaan.

Katanya, pada masa ini hanya terdapat kira-kira 20 madrasah dan sekolah tahfiz yang mempunyai koperasi dan berharap lebih banyak lagi madrasah dan sekolah tahfiz dapat menubuhkan koperasi.

"Di Indonesia contohnya kebanyakan pesantren yang diuruskan oleh koperasi adalah lebih teratur dan mempunyai dana yang lebih baik, maka kita berharap lebih banyak koperasi seumpama itu akan dapat ditubuhkan bagi menjana ekonomi madrasah dan sekolah tahfiz,"katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan program pembangunan perniagaan koperasi kariah masjid Madrasah al-Imaniah Jerantut Feri di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Angkasa Zon 2 Norzari Yahya dan Pengetua Madrasah al-Imaniah, Roslan Mohammad.

Abdul Fattah berkata, pada masa kini terdapat kira-kira 638 buah madrasah dan sekolah tahfiz berdaftar di seluruh negara dengan hanya kira-kira 20 daripadanya mempunyai koperasi.

Justeru tambahnya, lebih banyak madrasah dan sekolah tahfiz perlu merebut peluang menjana pendapatan dengan menubuhkan koperasi masing-masing kerana banyak perniagaan yang boleh dijalankan antaranya, peruncitan, pemprosesan makanan halal, pertanian, homestay atau inap desa.

-- BERNAMA